

PENYELENGGARAAN DAN PENYIMPANAN ALATAN TANGAN

ARAHAN

Tonton video di atas kemudian jawab soalan di bawah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan penyelenggaraan alatan tangan?
 - A. Menjaga dan mengurus alatan
 - B. Menyimpan alatan di kotak besar
 - C. Mengemas alatan selepas digunakan
 - D. Menyusun atur alatan di tempat asal
2. Mengapakah sesetengah alatan perlu diminyakkan sebelum disimpan?
 - A. Memastikan alatan tidak tersekat-sekat apabila digunakan
 - B. Memastikan alatan dapat bergerak dengan lancar
 - C. Mengelakkan daripada berlakunya pengaratan
 - D. Mumudahkan habuk dan kekotoran dibersihkan

3. Alatan yang manakah memerlukan penyelenggaraan dengan menggunakan kain lembab?
- A. Gergaji tangan
 - B. Pemotong perspek
 - C. Gergaji lengkung halus
 - D. Pistol perekat panas (hot glue gun)
4. Alatan tangan yang telah diselenggarakan perlu disimpan di tempat berikut, kecuali _____.
- A. laci alatan
 - B. panel alatan
 - C. kotak alatan
 - D. beg pakaian
5. Pilih cara penyelenggaraan yang betul untuk alatan berikut.

	Alat	Cara penyelenggaraan
A.	Pembaris besi	Lap dengan kain yang basah
B.	Gergaji tangan	Sapukan dengan minyak
C.	Gergaji lengkung halus	Siramkan dengan air paip
D.	Pahat	Gosokkan dengan kertas